

# Hulu Terengganu 20 hari tiada hujan

**Kuala Lumpur:** Hulu Terengganu merekodkan daerah paling lama tidak menerima hujan melebihi 20 hari di negara ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia menerusi catatan di laman Twitter InfoKemarau, beberapa kawasan di Kelantan dan Sarawak turut mengalami keadaan cuaca kering yang mematuhi kriteria Pengharaman Pembakaran Terbuka bagi hari tanpa hujan selama atau

melebihi tujuh hari berturut-turut.

Katanya, tiga kawasan di Kelantan lama tidak menerima hujan ialah Kota Bharu (15 hari), Machang (15 hari) dan Jeli (tujuh hari) manakala di Sarawak pula, Lundu tidak menerima hujan iaitu lapan hari.

Sementara itu, Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran (JPS) pula melaporkan sehingga jam 8 malam semalam, dua em-

pangan di negara ini mempunyai stok air paras bahaya (merah) di bawah 40 peratus iaitu Empangan Bukit Kwong, Kelantan (7.81 peratus), Empangan Bukit Merah, Perak (18.10 peratus) dan Empangan Padang Saga, Kedah (37.49 peratus).

## **FAKTA**

*Dua empangan di negara ini mempunyai stok air paras bahaya (merah) di bawah 40 peratus*